

18/12/1997

Memperjuangkan kesinambungan imej wanita

Rosmin Darus

TAHUN 1997 berlalu dengan pelbagai catatan dalam diari wanita negara ini. Kemuncaknya apabila bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Rafiah Salim dilantik sebagai Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi pengurusan sumber manusia, Ogos lalu.

Perlantikan wanita berasal dari Kelantan itu untuk menduduki jawatan dalam satu badan penting dunia dengan kira-kira 9,000 kakitangan, boleh dianggap sebagai satu kejayaan kepada wanita Malaysia, sepanjang tahun ini.

Rafiah adalah rakyat Malaysia dan wanita Asia pertama yang dipilih memegang jawatan berkenaan.

Kewibawaan Rafiah sekali gus membuka mata kepada masyarakat dunia bahawa wanita Malaysia tidak boleh diperkotak-katikan. Malah, membuktikan bahawa wanita negara berdaulat ini mempunyai kelebihan dan kemampuan, asalkan diberi peluang yang sama rata.

Begitu juga dengan perlantikan Pengarah Urusan Oracle Systems Malaysia Sdn Bhd, Khatijah Shah sebagai penasihat kepada syarikat antarabangsa berkenaan. Beliau turut dipertanggungjawabkan kepada program inisiatif syarikat terbabit berkaitan projek Koridoraya Multimedia (MSC).

Kemampuan Khatijah memikul tanggung jawab pengurusan syarikat turut membantu Oracle Malaysia mendapat pengiktirafan kerajaan sebagai antara syarikat pertama dalam MSC. Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pula dilantik semula sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia Pasifik (RSC-AP) bagi tempoh September 1998 hingga 2001.

Dr Siti Hasmah adalah pengerusi pertama jawatankuasa RSC-AP sejak ditubuhkan 5 September, 1995 sempena Persidangan Wanita Sedunia Keempat, di Beijing.

Pada ucapan selepas pemilihan, wanita pertama Malaysia itu berazam untuk terus berkhidmat ke arah meningkatkan ekonomi wanita miskin di luar bandar.

Persidangan antarabangsa itu dihadiri lima wanita pertama negara lain iaitu Usha Narayanan (India), Zohreh Khatami Sadeghi (Iran), Mairam Akaeva (Kyrgyzstan), Shurentsetseg Erenjavyn (Mongolia) dan Begum Kulsom Nawaz Sharif (Pakistan).

Wanita pertama inilah yang akan jadi penggerak dan pendorong kepada kerajaan negara masing-masing ke arah meningkatkan status kehidupan masyarakat wanita luar bandar.

Persidangan itu turut menggariskan resolusi menasihati negara anggota untuk memperkenalkan, memperkembang dan mengukuhkan lagi program membasmi kemiskinan dengan berfokuskan kepada institusi kewangan mikro.

Selain itu, Dr Siti Hasmah turut menerima anugerah Zamalah Kehormat Kedokteran Keluarga oleh Akademi Kedokteran Keluarga Malaysia sempena mesyuarat agung dan konvokesyen akademi itu, baru-baru ini.

Ia sebagai menghargai sumbangannya dalam bidang pendidikan perubatan di Malaysia.

Wanita juga boleh berbangga dengan pencapaian sutradara filem Layar Lara, Suhaimi Baba yang dipilih sebagai Pengarah Filem Terbaik Festival Filem Bebas Antarabangsa Brussels ke 19, pada awal November lalu. Suhaimi menerima hadiah wang tunai 50,000 Belgium Frank (RM5,000) sumbangan Kementerian Perhubungan Antarabangsa dan Komunikasi Belgium.

Kemenangan Suhaimi ini adalah kali kedua bagi Malaysia pada festival

berkenaan selepas kemenangan cemerlang Kaki Bakar pada 1995. Seperti Rafiah, Khatijah, Dr Siti Hasmah dan Suhaimi, sebahagian besar wanita Malaysia sekarang terdidik dengan ilmu yang tinggi sekali gus turut dipanggil untuk menyertai proses pembangunan negara.

Tanggungjawab golongan hawa yang kini berubah bagaimanapun tidak bererti bahawa wanita boleh mengabaikan tugas asasnya, iaitu sebagai tunjang kesejahteraan dan kejayaan keluarga.

Mengembalikan ikrar Pergerakan Wanita Umno di Perhimpunan Agungnya, September lalu - bahawa Wanita Umno akan melangkah ke abad 21 dengan membawa imej wanita beriman, bertakwa, berilmu, pandai bertindak, boleh menangani permasalahan, berdaya saing, berdaya juang, lasak, pengasih dan penyayang.

Biarapun, ikrar itu dibaca oleh Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman bagi pihak ahli Wanita Umno, wanita Malaysia amnya boleh menjadikan ikrar berkenaan sebagai panduan untuk terus mencipta kejayaan tanpa meninggalkan nilai-nilai kewanitaan sebagai ibu dan suri rumah.

Begitu juga dengan sikap negatif yang ada termasuk suka berpura-pura, mengumpat dan membuat fitnah perlu dikikis daripada wanita, kerana ada ketikanya wanita sendiri yang menjatuhkan wanita.

Dalam menghadapi zaman siber, wanita perlu terus berpandangan jauh dengan meletakkan diri sentiasa ke depan serta bekerjasama antara pelbagai pihak supaya mereka tidak ketinggalan dalam segenap bidang.

Manakala, imej negatif yang merendahkan wanita secara berterusan dalam media cetak dan elektronik turut mendapat perhatian Seminar Antarabangsa Wanita Dalam Media: Cabaran-Cabaran dan Peluang Kepada Asia Dalam Milenium Akan Datang yang berlangsung, November lalu.

Dr Siti Hasmah membidas media cetak dan elektronik di kebanyakan negara tidak memaparkan keseimbangan imej wanita menyumbang kepada masyarakat.

Katanya, aliran dunia yang memberi tumpuan kepada wanita sebagai pengguna mewujudkan suasana iklan dan mesej komersil kurang tepat. Malah, kajian turut menunjukkan filem Malaysia kerap memaparkan wanita sebagai lemah, lembap, cerewet, sukar mengawal emosi, tidak bermoral dan mengejar lelaki. Wanita juga secara langsung atau tidak, disalahkan apabila sesuatu perbuatan tidak bermoral dilakukan lelaki.

Jadi, seminar tiga hari itu membuat rumusan bahawa jika paparan seperti itu diteruskan, kesan jangka panjang akan merosakkan, malah masyarakat akan terus beranggapan bahawa wanita ini lemah dan tidak wajar dibabitkan dalam proses pembangunan negara.

Seminar itu dihadiri oleh wakil media dari beberapa negara termasuk Penasihat Komunikasi Asia, James Bentley.

Tahun 1996 juga turut mencatat sejarah apabila pada tanggal 16 April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan pelancaran Briged Wanita yang dibentuk untuk membina sahsiah Islamiah, keutuhan moral dan ketaatan kepada Allah, Rasulnya dan pemimpinnya pada generasi baru.

Pasukan ahli wanita barisan pelapis yang diwujudkan ini dicorakkan dengan falsafah aktif, dinamik, berdisiplin, berhemah tinggi, berwibawa dan daripada kalangan anak remaja berusia di antara 16 hingga 30 tahun.

Briged Wanita ini diilhamkan oleh kepimpinan Wanita Umno yang baru untuk melatih pemimpin muda bakal mewarisi perjuangan politik bangsa dengan pendekatan bijaksana lagi terbuka.

Kumpulan ini berlambangkan pakaian seragam yang mempunyai nilai kewanitaan hasil gabungan potongan separuh tentera yang berteraskan ciri-ciri Islam.

Sementara, Anugerah Trofi Sri Nona anjuran TV3, tahun ini memilih Mahaya Mohd Yassin, 49, untuk pemenang kategori utama kerana kegigihannya mengorbankan wang dan masa demi mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu

yang betul demi merealisasikan bahasa itu sebagai bahasa antarabangsa.

Manakala, isteri penyair terkenal JM Aziz, Lijah Daud, 58, pula dipilih untuk kategori kekeluargaan kerana ketabahannya berkorban untuk suaminya yang menderita cacat penglihatan dan mendapat penyakit kusta.

Bagi kategori Perubatan, Ketua Eksekutif Bahagian Prihatin Perbadanan Johor, Siti Saadiah Sheikh Bakir meraih anugerah utama berbekalkan pembabitannya dalam bidang perubatan.

Tahun ini turut banyak membincangkan isu ibu tunggal bagi menjamin hidup mereka dan anak-anak tidak terabai. Beberapa persatuan ibu tunggal juga kedengaran ditubuhkan dengan matlamat objektif yang sama, membantu...

Kegigihan seorang ibu tunggal yang berjaya menyara dan mendidik anak-anak kini mendapat pengiktirafan kerajaan menerusi Anugerah Ibu Tunggal Cemerlang '97 yang pertama.

Beliau ialah Amran Tengku Raja, 58, dari Kampung Ayer Tawar, Manjung, Perak yang tabah selama lebih 26 tahun untuk menyara hidup dan perbelanjaan persekolahan mendidik tujuh anaknya.

Sempena Hari Wanita Kebangsaan, 25 Ogos lalu turut melancarkan Program Ibu Tunggal Berdikari yang bertujuan membantu wanita bermasalah dan terpaksa menyara anggota keluarga akibat perceraian dan kematian suami.

Kajian oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati 18.5 peratus daripada keseluruhan penduduk negara ini adalah ibu tunggal yang terpaksa menyara 3.5 juta anggota keluarganya. Ibu tunggal itu juga difahamkan berusia 40 tahun ke bawah, mempunyai pendapatan purata antara RM290 hingga RM400 sebulan dan tergolong dalam keluarga miskin.

Sebagai usaha berterusan meningkatkan status wanita dan bersaing dalam semua bidang, Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) juga mengumumkan, bahawa mulai tahun depan segala usaha dilakukan untuk mewujudkan kerusi Datin Seri Dr Siti Hasmah di Universiti Malaya.

Seorang profesor wanita yang terbabit dalam bidang sains dan teknologi baru, dari universiti tempatan akan dipilih menduduki kerusi itu untuk tempoh setahun hingga tiga tahun bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang sains baru yang memanfaatkan masyarakat.

Hasrat PSWM itu sejajar dengan wawasan negara yang ingin lebih ramai masyarakat negara ini terbabit dalam bidang sains dan teknologi ke arah menyumbang kepada proses pembangunan negara yang sedang pesat membangun.

Sementara itu, menyedari hakikat bahawa satu suara besar lebih berkesan daripada banyak suara, maka Persekutuan Pertubuhan Wanita Dalam Perniagaan Malaysia (FEM), yang dianggotai enam persatuan perniagaan wanita tempatan ditubuhkan.

Perasmian FEM dan logonya dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan Malaysia, Datuk Mustapa Mohamed. Persekutuan ini dipengerusikan oleh Datuk Norazah Awin.

Setakat ini, enam persatuan usahawan menganggotainya iaitu Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia (Nawem), Peniagawati, Usahanita, Wawanita, Usahanita Sarawak dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Kejayaan yang diraih oleh ibu kepada seorang anak perempuan berusia dua tahun, G Shanti melakukan dua larian emas dalam acara 100 dan 200 meter di temasya Sukan Sea, Jakarta, Oktober lalu turut membuka minda sesetengah masyarakat yang beranggapan wanita apabila berumah tangga akan menurun prestasi dalam bidang sukan. Shanti bukan saja membuktikan tanggung jawabnya sebagai isteri dan ibu tetap boleh berjaya jika ada kemahuan, malah dia juga seorang kakitangan bank yang sentiasa sibuk dengan tugas pejabat.

Beliau sekali gus dianugerah pemenang pertama olahragawati Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) 1997.

Dalam bercakap soal kejayaan dan kemajuan wanita tidak terkecuali, golongan hawa turut menggemparkan masyarakat negara ini dengan pelbagai

kisah dan kejadian.

Paling hangat diperkatakan sehingga menarik perhatian pemimpin negara dan wanita pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ialah kes tiga wanita, Noni Mohamad, Fahyu Hanim Ahmad dan Sharina Shaari ditahan kerana menyertai pertandingan ratu cantik. Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 12(C) Enakmen Jenayah Syariah Selangor iaitu melanggar fatwa Mufti Selangor dengan menyertai pertandingan ratu cantik Miss Malaysia Petite 1997 di Subang Jaya, 13 Jun lalu.

Kejadian sedih dalam sejarah Pergerakan Wanita Umno juga berlaku apabila Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Siti Zainab Datuk Abu Bakar dipecat daripada jawatannya serta digantung daripada Umno berikutan isu penyelewengan RM1.8 juta daripada akaun parti itu.

Tindakan ke atas Siti Zainab diambil selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, awal Jun lalu. Turut digantung daripada parti itu ialah bekas Setiausaha Wanita Umno, Senator Habshah Osman.

Wanita Umno juga sekali lagi menerima cabaran apabila tempat Siti Zainab sebagai Timbalan Menteri tidak digantikan oleh wanita. Wanita hanya diberi jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi kepada Ahli Parlimen Parit, Ainon Khariyah Datuk Mohd Abas.

Cabaran itu boleh membuka minda wanita Umno bahawa perlu usaha lebih kuat untuk meyakinkan kepimpinan negara bagi meletakkan ahlinya di jawatan peringkat Menteri dan Timbalan Menteri.

Jumlah hari ini terlalu kecil untuk meninggalkan impak yang positif terhadap pergerakan wanita. Pada masa ini wanita Malaysia hanya diwakili oleh kira-kira tujuh peratus ahli Parlimen Wanita.

Oleh kerana ketidakseimbangan yang wujud dalam nisbah perwakilan ini, keputusan yang dibuat sama ada di peringkat nasional ataupun tempat tidak mendapat input berkesan dari wanita. Dengan mengenalpasti halangan serta cabaran yang dihadapi oleh wanita, wanita boleh mengatur strategi untuk meneruskan perjuangannya yang belum selesai.

(END)